



SURUHANJAYA
KOPERASI
Malaysia

e-Buletin **KOPERASI**

SINOPSIS

BIL 2/2026

DITERBITKAN OLEH: BAHAGIAN PROMOSI DAN PENGGALAKAN KOPERASI SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA



FRIM FOREST SKYWALK

MENEROKA
SISI HIJAU
Lembah Klang



www.skm.gov.my



[SuruhanjayaKoperasiMalaysia](https://www.facebook.com/SuruhanjayaKoperasiMalaysia)



[SuruhanjayaKoperasi](https://www.instagram.com/SuruhanjayaKoperasi)



[SuruhanjayaKoperasi](https://www.tiktok.com/@SuruhanjayaKoperasi)

www.skm.gov.my





FRIM FOREST SKYWALK

MENEROKA SISI HIJAU LEMBAH KLANG

Siapa sangka di pinggir hutan batu dan kaca metropolitan Lembah Klang tersisip indah panorama kehijauan yang memukau. Lokasi FRIM Kepong yang berkeluasan sekitar 545 hektar, bersamaan dengan keluasan 752 padang bola sepak, pada asalnya merupakan sebuah tapak lombong bijih timah sejak tahun 1926. Kawasan yang hampir berusia 100 tahun ini pada mulanya merupakan sebuah kawasan yang gersang dengan hanya 10% dilitupi oleh hutan hujan tropika.

Dengan penubuhan Forest Research Institute (kini dikenali sebagai Forest Research Institute Malaysia - FRIM), kawasan ini mula diusahakan sebagai tapak penyelidikan dan tapak semaian hutan. Hasil usaha pemulihan ini telah menjadikan FRIM Kepong sebagai hutan hujan buatan yang pertama di dunia dan yang paling berjaya, sekaligus menjadi model pemuliharaan hutan yang unik di rantau ini. Lebih membanggakan, FRIM Kepong telah diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada 11 Julai 2025. Kawasan ini merupakan benteng terakhir bagi memelihara serta memulihara sekitar lebih 2000 jenis spesis flora unik khususnya di kawasan sekitar Lembah Klang untuk tatapan generasi akan datang.





PERANAN KOPERASI DALAM PEMULIHAN ALAM

Mengambil iktibar dari perkembangan tersebut, Koperasi FRIM Berhad mengambil peluang untuk menggabungkan prinsip koperasi diantara keperluan pembangunan ekonomi dan mengambil berat terhadap masyarakat (dalam konteks alam sekitar). Koperasi menggunakan pendekatan yang tidak konvensional dalam menyampaikan mesej mengenai kepentingan penjagaan alam semulajadi kepada masyarakat melalui lawatan bermaklumat di FRIM Kepong.

Para pengunjung berpeluang menaiki jambatan gantung (*forest skywalk*) di tengah hutan buatan manusia sambil dibimbing oleh jurupandu berpengalaman yang memperkenalkan spesies pokok seperti *tiger orchid*, *dryobalanops aromatica*, dan *bird-nest fern*. Lawatan ini bukan sahaja mendidik, tetapi juga memberi pengalaman mendalam untuk menghargai sumbangan alam semula jadi terhadap kehidupan manusia.

Selain itu, Koperasi turut mengurus Villa Fragrans, sebuah villa berkonsep kolonial yang dinamakan sempena pokok tembusu. Villa ini boleh digunakan untuk tujuan *team building*, majlis perkahwinan, dan penginapan, dengan harga sewaan bergantung kepada keperluan pelanggan.

Untuk pasangan yang ingin mengadakan majlis perkahwinan, Villa Fragrans menawarkan pakej *Eco-wedding* (eko-perkahwinan) eksklusif yang menekankan konsep perkahwinan berasaskan alam semula jadi. Majlis disusun dalam suasana tropika yang tenang, hijau, dan intim, memanfaatkan keindahan alam semula jadi FRIM sebagai latar.



PROGRAM EKSPIDISI ALAM @COOP



Melalui inisiatif ini, Koperasi FRIM Berhad bukan sahaja mempromosi aktiviti ekonomi koperasi tetapi juga menanam kesedaran terhadap pemeliharaan alam sekitar dalam kalangan masyarakat.



Pada 10 Disember 2025, Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan (SKM WP) telah menganjurkan program Ekspedisi Alam @Coop bertujuan mempromosi produk dan perkhidmatan koperasi kepada koperasi-koperasi di bawah seliaan SKM Wilayah Persekutuan.

Para peserta dibawa menaiki jalur jambatan gantung dan menelusuri hutan buatan manusia bagi mengamati, mempelajari serta menghargai sumbangan alam semulajadi kepada ketamadunan manusia.

Program sehari ini dirasmikan oleh YBhg. Leftenan Jeneral Datuk Ahmad bin Norihan (B), Pengerusi Suruhanjaya Koperasi Malaysia, dan dihadiri oleh 100 orang koperator dari sekitar Lembah Klang.

SKM akan terus komited untuk menyokong koperasi-koperasi di Wilayah Persekutuan dan seluruh negara untuk mempelbagaikan kegiatan ekonomi, mengukuhkan tadbir urus yang cekap, dan mempraktikkan amalan perniagaan Koperasi sebagai Entiti yang Seimbang antara keuntungan dan impak sosial-alam sekitar. -Pengerusi SKM



